



29 JUL, 2025

## Peranan penting loji jana kuasa CCGT



Sinar Harian, Malaysia

# Peranan penting loji jana kuasa CCGT

Tangani isu ketidaktentuan solar, sokong matlamat sifar bersih negara

KUALA LUMPUR

Loji jana kuasa turbin gas kitaran gabungan (CCGT) dijangka berperanan penting dalam menangani isu surang grid kuasa dan ketidaktentuan tenaga solar, ketika Malaysia berusaha mencapai matlamat sifar bersih menjelang 2050, kata seorang pakar.

Ketua Jurutera Grid System Operator Malaysia, Rofidah Mohamed berkata, negara ini dikurniakan cahaya matahari yang banyak, membolehkan pengeluaran tenaga solar yang tinggi pada waktu siang dan mengurangkan kebergantungan kepada penjanaan konvensional.

"Bagaimanapun, jika tiba-tiba

hujan atau awan menutupi cahaya matahari sehingga menjadikan penjanaan tenaga solar, siapa yang akan mengisi kekurangan itu? Dalam keadaan inilah gas dari loji jana kuasa CCGT melakukan peranan penting kerana ia cukup fleksibel untuk memampung kekurangan tersebut dan mengantikan tenaga solar secara sementara.

"Menerusi loji turbin gas yang baru, pengeluaran tenaga boleh meningkat daripada sifar kepada 100 peratus dalam masa 30 minit, menjadikannya amat berguna pada waktu malam, terutama apabila tiada cahaya matahari," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Persidangan Penjanaan Kuasa Turbin Gas CGN Energy International Co Ltd (CGNEI) 2025 di sini pada Isnin.

Beliau menyuarakan harapan supaya loji jana kuasa CCGT akan terus melengkapai tenaga solar dalam grid, sejajar kemajuan Malaysia ke arah sasaran pelapanan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

"Kita tidak mahu bergantung



FOTO: EDRA POWER HOLDINGS SDN BHD  
Stesen Jana kuasa Edra Melaka (EMPP) di Pengkalan Balak, Melaka merupakan stesen jana kuasa Edra terbesar di Asia Tenggara.

- Gambar hiasan

Kepada arang batu kerana ia merupakan antara sumber tenaga paling mencemarkan. Jadi, kita akan berhenti menggunakan secara berperingkat. Gas, solar dan loji hidro besar akan kekal, contohnya di Terengganu dan Kelantan," katanya.

Edra Power Holdings Sdn Bhd menerusi kerjasama dengan pemegang sahamnya, CGNEI mengarintis hala tuju ke arah masa depan tenaga yang lebih lestari dan inklusif bagi ASEAN.

temakan *Empowering the Future through Collective Wisdom and Win-Win Collaboration*.

Acara itu menghimpunkan lebih 200 pihak berkepentingan utama dari 47 organisasi merangkumi China, Malaysia dan Korea Selatan untuk menggalakkan kerjasama industri dan mempercepat peralihan Malaysia kepada sistem tenaga rendah karbon yang mampan, sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara," katanya dalam kenyataan.

Turut hadir dalam persidangan itu ialah Duta Besar China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

Persidangan itu turut menampilkan kemajuan terkini CGNEI dalam penjanaan kuasa turbin gas, di samping mengukuhkan persefahaman industri, menggalakkan inovasi teknologi serta memperingkatkan perkongsian antarabangsa dan pembangunan bakat bagi menyokong peralihan tenaga hijau dan rendah karbon.

Pengerusi dan Presiden Edra, Jiang Xin berkata, pihaknya berada pada kedudukan baik untuk menyokong aspirasi sifar bersih Malaysia dengan memerlukan strategik dan kepakaran global.

"Kami gembira menjadi tuan rumah acara penting ini yang bukan sahaja menjadi platform untuk dialog dan perkongsian pengetahuan, malah juga bertindak sebagai permangkin dalam mempercepat peralihan Malaysia kepada sistem tenaga rendah karbon yang mampan, sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara," katanya dalam kenyataan.



29 JUL, 2025

## Peranan penting loji jana kuasa CCGT

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Tangani isu ketidaktentuan solar, sokong matlamat sifar bersih negara Loji jana kuasa turbin gas kitaran gabungan (CCGT) dijangka berperanan penting dalam menangani isu jurang grid kuasa dan ketidaktentuan tenaga solar, ketika Malaysia berusaha mencapai matlamat sifar bersih menjelang 2050, kata seorang pakar. Ketua Jurutera Grid System Operator Malaysia, Rofidah Mohamed berkata, negara ini dikurniakan cahaya matahari yang banyak, membolehkan pengeluaran tenaga solar yang tinggi pada waktu siang dan mengurangkan kebergantungan kepada penjana konvensional.